

GARIS PANDUAN DASAR PENGASINGAN SAMPAH DI PUNCA

KATEGORI TAMAN PERUMAHAN

1. PERANAN PEMUNYA/PENGHUNI

- a) Pemunya/penghuni hendak memastikan sampah diasingkan mengikut sampah yang boleh dikitar semula dan sampah yang tidak boleh dikitar semula.
- b) Sampah yang boleh dikitar semula harus dimasukkan/dibungkuskan dalam apa-apa bekas yang bersesuaian yang ditetapkan oleh Majlis dan diletakkan untuk pungutan di luar rumah pada hari pungutan (Hari Sabtu); atau
- c) Menghantar sampah yang boleh dikitar semula ke pusat pengumpulan.

2. KAEDAH PELAKSANAAN

- a) **Kutipan rumah ke rumah oleh Majlis**
 - i. Sistem kutipan yang melibatkan Majlis yang mengutip dari rumah ke rumah.
 - ii. Kutipan akan dilaksanakan setiap hari Sabtu.
 - iii. Rekod berkenaan pengurusan sampah kitar semula harus disimpan oleh Majlis.

b) Pusat Pengumpulan (jika perlu)

- i. Pusat pengumpulan ialah satu kaedah bagi membolehkan pemunya/penghuni rumah untuk meletakkan sampah kitar semula di pusat berdekatan.
- ii. Pemunya/penghuni perlu mengasingkan sampah kitar semula daripada sampah yang tidak boleh dikitar semula dan meletakkan sampah kitar semula di pusat pengumpulan.
- iii. Pemungut berlesen sampah kitar semula hanya akan memungut sampah tersebut dari pusat pengumpulan.
- iv. Rekod berkenaan pengurusan sampah kitar semula harus disimpan oleh pemungut berlesen sampah kitar semula.